

iii) Hubungi kembali pemohon (Follow-up)

- Pegawai akan menghubungi pemohon sehari sebelum tarikh pengesahan bagi memastikan segala perancangan dan persiapan yang diatur berjalan dengan lancar.

iv) Penentuan & pengesahan di lokasi

• Sebelum hari pengesahan

Pihak kontraktor perlu melantik juruukur berlesen (*surveyor*) untuk membuat kerja-kerja trabas ukur sama ada melalui batu sempadan atau cerapan matahari. Maklumat yang diperolehi hendaklah direkodkan.



Kerja-kerja penentuan dan pengesahan arah qiblat sedang dijalankan

• Semasa hari pengesahan

Pihak kontraktor perlu memastikan juruukur telah bersedia dengan peralatan yang siap didirikan di tapak masjid/surau.

Berdasarkan maklumat yang direkodkan ketika kerja-kerja trabas ukur, pihak

juruukur perlu mengaplikasikan semula kerja-kerja tersebut (hanya mengambil nilai bacaan daripada 2 stesen terakhir sahaja) sebelum membuka azimuth qiblat. Kerja-kerja tersebut hendaklah disaksikan oleh wakil Jabatan Mufti Selangor (Bahagian Falak Syarie).

Setelah berpuas hati dengan kerja-kerja tersebut, nilai azimuth qiblat akan diberikan. Dua tanda garisan arah qiblat hendaklah ditandakan diluar kawasan pembinaan.

Ketika dilokasi, pihak-pihak berikut disyorkan hadir iaitu :-

- Wakil jawatankuasa masjid/surau atau;
- Wakil penduduk, dan
- Pihak Kontraktor

v) Mengisi borang pengesahan

- Setelah berpuas-hati dengan kerja-kerja tersebut, Borang Penentuan dan Pengesahan Arah Qiblat akan diisi sebanyak dua salinan.

vi) Mengeluarkan Sijil Perakuan Arah Qiblat



- Satu salinan akan diberikan kepada pemohon dan perlu dibawa semula ke Jabatan Mufti Selangor untuk mengambil sijil perakuan. Satu salinan lagi akan disimpan oleh Bahagian Falak Syarie sebagai rujukan.

- Selepas 5 hari (hari bekerja) daripada tarikh pengesahan, pemohon boleh mengambil Sijil Perakuan Arah Qiblat. Borang pengesahan perlu dibawa bersama ketika mengambil sijil.

- Sijil tersebut hanya dikeluarkan untuk 1 kuantiti sahaja. Walaubagaimanapun pihak masjid/surau boleh membuat beberapa salinan sijil perakuan tersebut.
- Sekiranya berlaku kehilangan, kerosakan atau apa-apa perkara yang boleh menjejaskan sijil perakuan tersebut, jabatan ini tidak akan mencetak sijil baru, tetapi memberikan salinan sahaja.

PENUTUP

- Prosedur ini diwujudkan sebagai garis panduan yang perlu diikuti untuk memastikan tugas dalam proses kerja penentuan dan pengesahan arah qiblat memenuhi kehendak hukum syara'dan keperluan masyarakat masa kini.

- Prosedur ini diwujudkan bukanlah untuk menyukarkan pelbagai pihak, tetapi ingin mewujudkan budaya kerja yang lebih efektif, bersistematik dan praktikal.

- Mudah-mudahan dengan adanya prosedur ini, ia boleh menjadi rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penentuan dan pengesahan arah qiblat di Negeri Selangor.

- Sebarang kemusykilan atau surat-menyurat hendaklah dimajukan kepada:-

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR
(BAHAGIAN FALAK SYARIE)
ARAS 7, MENARA UTARA,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Telefon :

Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman	03-55143716
Rizal B. Ramli	03-55143717
Abdul Latif B. Ibrahim	03-55143547

Faks : 03-55197584


e-mail : mufti_sel@selangor.gov.my

Web : http://www.muftiselangor.gov.my



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

**Prosedur
Penentuan & Pengesahan
Arah Qiblat
Di Negeri Selangor**



LATAR BELAKANG

- Pada 20 September 1999, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) membuat keputusan untuk memindahkan Unit Falak Syarie yang terdapat di bawah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri ke Jabatan Mufti seluruh Malaysia.
- Sehubungan dengan itu, Pada 1 Januari 2001 Kerajaan Negeri Selangor telah melantik tiga orang pegawai dan kakitangan untuk ditempatkan di Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Sehingga kini terdapat seramai 6 orang pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Bahagian Falak Syarie.
- Antara peranan bahagian ini ialah melaksanakan penentuan dan pengesahan arah qiblat sebelum pembinaan masjid atau surau di seluruh Negeri Selangor.
- Justeru, Prosedur Penentuan dan Pengesahan Arah Qiblat di Negeri Selangor diwujudkan sebagai garis panduan yang perlu diikuti ketika menjalankan tugas penentuan dan pengesahan arah qiblat agar lebih bersistematik, tersusun dan terancang.

ARAH QIBLAT MENURUT HUKUM SYARAK

- Dalam konsep menghadap arah qiblat terdapat beberapa hukum yang berkaitan dengannya iaitu:

Wajib :

Ketika menunaikan solat fardhu atau sunat, melakukan tawaf di Baitullah dan meletakkan jenazah di dalam liang lahad.

Sunat :

Ketika membaca al-Quran, berdoa, berzikir, tidur dan lain-lain aktiviti harian yang berkaitan.

Haram :

Ketika membuang air besar atau kecil.

- Terdapat banyak dalil al-Quran berhubung arah qiblat antaranya:-

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:-

i) *"Dan dari mana sahaja kamu keluar, palingkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram...."*

(Surah al-Baqarah:149)

ii) *"Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka kemana sahaja kamu arahkan diri (ke qiblat untuk menghadap Allah), maka di situlah arah yang diredhai Allah...."*

(Surah al-Baqarah :115)

- Mengikut Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali, menghadap qiblat merupakan syarat sah solat. Bagi Mazhab Syafie terdapat tiga kaedah berhubung dengan syarat sah menghadap qiblat iaitu;

i. **"Qiblat Yakin"**: Bagi seseorang yang berada di **dalam Masjidil Haram** sama ada nampak Ka'bah atau sebaliknya, maka wajib ia menghadap ke Ka'bah dengan penuh yakin. Kewajipan tersebut boleh dipastikan dengan cara melihatnya atau menyentuh bagi orang cacat penglihatan atau dengan cara lain yang boleh dipastikan, asalkan ada keyakinan.

ii. **"Qiblat Dzanni"**: Bagi seseorang yang jauh dari Baitullah iaitu berada **di luar Masjidil Haram dan sekitar Tanah Suci Makkah**, hendaklah menghadap ke arah Masjidil Haram secara dzanni sahaja dan bergantung kepada ijtihadnya. Kaedah ini diketahui melalui pertanyaan kepada mereka yang berpengetahuan seperti penduduk Makkah.

iii. Bagi seseorang yang berada di **luar Masjidil Haram dan di Luar Tanah Suci Makkah** hendaklah menghadap ke arah Tanah Suci Makkah dengan tujuan menghadap Masjidil Haram atau Ka'bah. Cara ini adalah memadai untuk melaksanakan tuntutan syarak ketika mendirikan solat dan ibadat-ibadat lain.

- Dalam konteks Malaysia ijtihad arah qiblat ditentukan melalui kaedah hitungan falak atau astronomi disamping menggunakan peralatan yang bersesuaian seperti kompas dan teodolit.

CARTA ALIRAN



PROSES KERJA

i) Menerima permohonan

- Permohonan perlulah dibuat secara bertulis kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor (u.p: Bahagian Falak Syarie), dengan menyertakan perkara-perkara berikut:-
 - Pelan lokasi masjid/surau.
 - Nama dan nombor telefon pihak yang boleh dihubungi.
- Kebiasaannya, setiap permohonan akan mengambil masa 2 minggu dari tarikh permohonan diterima sehingga proses pengesahan.



ii) Membuat temujanji



- Setelah permohonan diterima, pegawai akan membuat temujanji menetapkan tarikh dan masa untuk hadir ke lokasi melalui telefon dan disusuli dengan surat.